

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS, TAHUN 2021**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG KAH WOH [IPOH TIMUR]

TARIKH : 4 OKTOBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

TUAN WONG KAH WOH [IPOH TIMUR] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah permohonan untuk Program Subsidi Upah 3.0 dan 4.0 (PSU3.0 dan PSU 4.0) dan jumlah kelulusan. Berapakah wang yang telah disalurkan sehingga kini berbanding PSU 1.0 dan PSU 2.0.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan statistik Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) PERKESO, jumlah permohonan majikan untuk **Program Subsidi Upah 3.0 dan 4.0** sehingga 3 September 2021 adalah sebanyak **284,659**. Jumlah yang diluluskan adalah sebanyak **216,532** yang melibatkan bayaran keseluruhan sebanyak **RM2.95 bilion**.

Manakala bagi permohonan **Program Subsidi Upah 1.0 dan Program Subsidi Upah 2.0**, jumlah permohonan yang diterima adalah sebanyak **428,516** dan jumlah yang diluluskan adalah sebanyak **399,726** dengan bayaran sebanyak **RM14.11 bilion**.

Jumlah peruntukan yang telah disalurkan oleh Kerajaan sehingga 3 September 2021 adalah sebanyak **RM17.06 bilion**.